

1) KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN PENDUDUK

Adun : Y.B. Tuan Preakas A/L Sampunathan (N50 Kota Kemuning)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2024)

Sub soalan :

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam memastikan penduduk Kota Kemuning mempunyai akses kebajikan dan kesejahteraan yang seimbang?**

Diselaraskan oleh Seksyen Sektor UPEN

- b) Bilakah proses pemutihan penduduk PPR Hicom yang terakhir dibuat dan pelan tindakan pemutihan baru akan dilakukan?**

- i. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dan anak syarikat LPHS iaitu Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) telah menjalankan operasi bancian unit ke unit PPR Kg. Baru Hicom pada bulan Januari dan Februari 2024. Daripada operasi bancian tersebut, PHSSB telah mengenalpasti unit yang dihuni oleh bukan penama di mana unit diduduki oleh pasangan atau anak-anak kerana penama meninggal. Bagi kes ini PHSSB telah meminta mereka untuk mengisi borang permohonan penyewaan dan akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga tapisan kelayakan pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian.
- ii. Bagi unit yang terlibat dengan sewa atas sewa (kes terpencil), PHSSB telah mengambil tindakan penamatan penyewaan. Manakala penyewa yang gagal membuat bayaran sewa, tindakan menamatkan penyewaan mereka merupakan operasi rutin dan berterusan yang dijalankan oleh PHSSB.
- iii. PHSSB juga sedia maklum terdapat unit sewaan PPR setelah penyewaan menduduki beberapa tahun dan pendapatan mereka telah melebihi RM3,000.00 sebulan. Sekiranya terdapat mana-mana unit yang dikenalpasti mempunyai pendapatan melebihi RM3,000.00 sebulan dan pihaknya akan mengambil tindakan untuk tidak membuat pembaharuan kontrak sewaan dimana penyewa tersebut tidak layak untuk menyewa di PPR lagi. Walaubagaimanapun, terdapat rayuan permohonan bagi mempertimbangkan semula untuk terus menyewa di PPR memandangkan pendapatan dikalangan penyewa yang melebihi RM3,000.00 hanya

mempunyai peningkatan pendapatan yang tidak ketara sehingga melebihi RM4,000.00 sebulan dan mempunyai tanggungan anak yang ramai.

- iv. Berikutan itu, LPHS dan PHSSB dalam proses mengkaji dan mendapatkan mekanisma terbaik bagi menentukan syarat kelayakan pendapatan penyewa dengan mengambil kira kos sara hidup yang semakin meningkat. Berdasarkan sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati had pendapatan bagi golongan B40 di Selangor seperti berikut:

B40	HAD PENDAPATAN	PURATA PENDAPATAN (RM)
B1	< 3,480	2,750
B2	3,480 – 4,659	4,072
B3	4,660 – 6,839	5,255
B4	5,840 – 6,959	6,421

- v. Perkara ini juga telah dibincangkan dan dipersetujui secara dasar melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Pembangunan Bandar Kelestarian Negeri Selangor Bil 1/2024 pada 30 Mei 2024 berkenaan cadangan untuk menaikkan kelayakan gaji isi rumah berdasarkan kelayakan B40 di Selangor iaitu sehingga RM5,000.00 sebulan.
- vi. Sehubungan itu, LPHS akan mengadakan mesyuarat susulan untuk dimuktamadkan dan seterusnya mengangkat kertas cadangan tersebut untuk pertimbangan kepada pihak Kerajaan Negeri dan Lembaga Pengarah LPHS.
- c) **Adakan Kerajaan Negeri mempunyai sebarang idea untuk mengadakan satu platform kedai runcit serbaguna yang mempunyai barang keperluan asas yang bersubsidi?**

Diselaraskan oleh Seksyen Sektor UPEN